



كردا ايجار بدين في قبح بزار الابدان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010

Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910

04-774 4643/ 04-733 8717

E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Kedah
Malaysia
where it all began

Ruj. Kami: PPNK.BN.400/3/15(12)

Tarikh : 04 Syaaban 1441H

02 April 2020

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' Paduka / YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**PENGURANGAN KADAR CARUMAN BERKANUN SYER PEKERJA KUMPULAN
WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan selaras dengan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) **PRIHATIN** yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020 berkaitan pengurangan kadar caruman berkanun syer pekerja daripada 11% kepada 7%, Pejabat Perbendahari Negeri akan melaksanakan perubahan tersebut mulai gaji bulan April 2020.

3. Untuk makluman YB Dato' Paduka / YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan perubahan kadar caruman tersebut akan berlaku secara "auto" selepas Pejabat Bendahari mengubah kadar caruman pekerja di parameter sistem. Pihak YB Dato' Paduka / YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan diminta untuk menyemak perubahan yang berlaku di laporan yang dijana dari Modul PY-sistem iSPEKS.

4. Untuk makluman YB Dato' Paduka / YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan juga, perubahan kadar syer pekerja baharu 7% tersebut akan berkuatkuasa mulai gaji bulan April (caruman Mei 2020) sehingga gaji bulan Disember 2020 (caruman Januari 2021) tertakluk kepada Jadual Ketiga Akta KWSP 1991. Kadar tersebut terpakai kepada semua pekerja berumur bawah 60 tahun yang wajib mencarum atau memilih untuk mencarum KWSP.

5. Bagi kakitangan yang ingin membuat pilihan untuk mengekalkan caruman syer pekerja pada kadar 11%, perubahan kadar caruman syer pekerja tersebut hendaklah dilaksanakan melalui perubahan gaji bulan Mei mengikut jadual tarikh perubahan gaji yang telah ditetapkan sepertimana Pekeliling Berkaitan Tarikh Pembayaran Gaji / Elaun Kerabat / Pencen (Adun) bagi Tahun 2020 bertarikh 10/12/2019. Jabatan/PTJ hendaklah memastikan kakitangan yang memilih untuk mengekalkan caruman syer pekerja pada kadar 11% melengkapkan Borang KWSP 17A (Khas 2020) yang boleh didapati di laman sesawang kwsp.gov.my dan borang tersebut hendaklah dikemukakan kepada KWSP melalui majikan.



(2)

Ruj. Kami: PPNK.BN.400/3/15(12)


6. Kerjasama YB Dato' Paduka / YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH’

Saya yang menjalankan amanah,



(NAZHATUN BINTI MD. REJAB, AMK., C.A.(M))

Bendahari Negeri Kedah Darul Aman

b.p. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman